

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Lawatan ke Putrajaya pada minggu hadapan _____ terbuka kepada murid-murid tingkatan dua.
A sahaja C memang
B hanya D lagi
2. Marissa menyimpan begnya di dalam kelas _____ ke bilik air.
A serta C sambil
B dan D lantas
3. Tidak banyak pelancong yang mengunjungi Taman Burung ini _____ hari hujan.
A maka C kerana
B tetapi D setelah
4. _____ meninggalkan tanah air dua tahun yang lalu, Encik Hazrul tidak pulang-pulang lagi.
A Selagi C Sejak
B Apabila D Hingga

5. "_____ tingginya bangunan KLCC itu!" kata pelancong yang kagum akan ketinggian bangunan itu.
 A Eh C Wah
 B Oh D Amboi
6. Semua pihak harus berganding bahu untuk memelihara budaya tradisi _____ terus subur meredah zaman.
 A jika C tatkala
 B supaya D sekira
7. Pak Idris menyirat jalanya yang koyak _____ isterinya Mak Peah memberi ayam-ayam peliharaannya makan.
 A serta C sambil
 B dan D sementara

Soalan 8 – 10

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D

Pilih jawapan yang paling sesuai.

8. Kami berpendapat yang kerja membaik pulih
 A
 bangunan-bangunan lama di negeri Melaka
perlu dilakukan supaya warisan sejarah
 B C
 terus terpelihara. Tiada kesalahan.
 D
9. Saya sangat berbesar hati kerana dapat
 A
 menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan
di samping dapat bertemu dan mendengar
 B C
 kisah perjuangan pejuang terdahulu.
Tiada kesalahan.
 D
10. Krishnan dan Azlan masuk ke dalam dewan
 A
apabila peserta-peserta dari negeri Sabah
 B C
 mempersembahkan tarian ngajat.
Tiada kesalahan.
 D

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Oh murid-murid, hormatilah budaya dan adat resam rakan-rakan kamu!

- "Adik berharap jika kita dapat datang ke sini lagi," kata adik sebelum kami meninggalkan bangunan KLCC itu untuk pergi ke destinasi yang lain pula di sekitar Kuala Lumpur.

- Para pelancong itu bergambar di hadapan Masjid Putra sambil menunggu bas mereka tiba.

- Sistem beraja diamalkan di setiap negeri lantaran negeri yang tidak beraja pula diperintah oleh Yang Dipertua Negeri.

- "Jika sekiranya kamu mempunyai apa-apa masalah, maklumkan kepada Cikgu Hayati," kata Puan Maimun kepada anaknya sebelum anaknya berangkat ke Pulau Pinang.

- "Kami belum pasti sama ada hendak bercuti ke Pulau Pinang dan ke Pulau Langkawi," kata Puan Indra kepada jirannya.
